



KESAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN TUGASAN (PPBT) TERHADAP PERTUTURAN BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA



ZAINABA BINTE OMAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



**KESAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN
TUGASAN (PPBT) TERHADAP PERTUTURAN BAHASA MELAYU MURID
SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA**

ZAINABA BINTE OMAR

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 31.01.2020

i. Perakuan murid:

Saya, **ZAINABA BINTE OMAR, P20132002416, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KESAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN TUGASAN (PPBT) TERHADAP PERTUTURAN BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Zainaba

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. NORLIZA JAMALUDDIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja murid yang bertajuk **KESAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN TUGASAN (PPBT) TERHADAP PERTUTURAN BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH RENDAH DI SINGAPURA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**.

25/6/21

Tarikh


Tandatangan Penyelia



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kesan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan
Tugasan (PPBT) Terhadap Pertuturan Bahasa Melayu Murid
Sekolah Rendah di Singapura

No. Matrik / Matric's No.: P20132002416

Saya / I: ZAINABA BINTE OMAR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Zainaba

(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
MADYA DR. NORLIZA BINTI JAMALUDDIN
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim

Tarikh: 31 Jan 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Dengan ucapan Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaan rahmatnya telah memberikan saya inspirasi, kekuatan dan kesabaran untuk menyelesaikan tesis ini. Penyelidikan ini merupakan suatu proses yang telah membuka minda saya dan memperkaya pengalaman saya.

Pada kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya kepada penyelia-penyelia saya Prof. Dr. Mahzan Arshad dan Prof. Madya Dr. Norliza Jamaluddin di atas masa yang berharga, nasihat yang membina dan segala tunjuk ajar, semangat serta dorongan yang diberikan ketika saya menjalankan kajian ini. Pandangan, nasihat dan komen-komen yang amat membina serta keprihatinan mereka kerana telah banyak membantu saya menyelesaikan tesis ini.

Seterusnya ucapan terima kasih tidak terhingga kepada suami, Othman Mohamed, anak-anak, Abidah, Laith, Salman Faris, Reyhana dan Ridwan, cucu-cucu, Raihanna. Shaima, Isa dan Umar yang sentiasa menjadi sumber inspirasi saya selama ini. Terima kasih kerana sentiasa sabar dan memahami serta sentiasa memberi semangat agar saya terus tabah dan cekal. Dorongan dan sokongan yang diberikan telah memberi semangat dan kekuatan kepada saya supaya terus sabar dan tabah menghadapi segala cabaran dan rintangan dalam melaksanakan kajian ini.

Tidak dilupakan juga kepada adik ipar saya Mariam, rakan-rakan seperjuangan Noorlin Harun, Rohaya Mohd Esa, Haslindah Mispan, Haslinda Othman, Nuraini Ismail, Lila Salleh, Nurmah dan Nurisha yang turut memberikan sokongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Doa dan perhatian mereka akan sentiasa diingati hingga akhir hayat.

Akhir sekali, kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris dan semua yang memberikan sokongan secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini.

Semoga Allah membalas segala jasa yang telah dicurahkan. InsyaAllah.

Terima Kasih.



ABSTRAK

Kajian ini mengetengahkan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT) bagi merangsang murid-murid yang terdiri daripada penutur natif Melayu untuk bertutur bahasa Melayu. Dasar kedwibahasaan di Singapura yang menekankan pembelajaran bahasa Inggeris dan satu bahasa ibunda menyebabkan murid-murid yang mengambil bahasa Melayu tidak berupaya bertutur bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka keberkesanan PPBT untuk mengajar kemahiran bertutur bahasa Melayu. Kaedah kuasi eksperimen digunakan bagi mengkaji keberkesanan PPBT untuk mengajar kemahiran bertutur kepada murid sekolah rendah di Singapura. Kajian ini melibatkan murid darjah lima dari dua buah sekolah yang berbeza. Sebuah sekolah dengan murid seramai 30 murid menjadi kumpulan rawatan manakala sebuah sekolah lagi dengan 22 murid sebagai kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menggunakan PPBT dan kumpulan kawalan menggunakan pendekatan konvensional. Ujian pra dijalankan sebelum kumpulan rawatan menjalani pembelajaran menggunakan PPBT dan kumpulan kawalan menggunakan pendekatan konvensional. Kedua-dua kumpulan kemudiannya menjalani ujian pasca. Kumpulan rawatan turut menjawab kajian soal selidik sebelum dan selepas PPBT. Data yang diperolehi dianalisis secara inferensi dan deskriptif dengan menggunakan Ujian Wilcoxon Signed Ranks dan Ujian Mann-Whitney serta SPSS versi 25. Ujian Wilcoxon Signed Ranks menunjukkan perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pasca dalam aspek kelancaran bagi kumpulan rawatan dengan nilai $Z = -4.075$, $p < .001$. Skor bagi penggunaan kosa kata pula mempunyai nilai $Z = -4.108$, $p < .001$ manakala skor bahasa mempunyai nilai $Z = -3.811$, $p < .001$. Dari segi motivasi dan keyakinan, 100% bersetuju bahawa PPBT membantu mereka bertutur bahasa Melayu. Kesimpulannya penggunaan PPBT dapat membantu dalam penguasaan kemahiran bertutur dan meningkatkan motivasi serta keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu. Implikasinya PPBT boleh digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu, pembina bahan dan juga institut pendidikan perguruan bagi membantu meningkatkan kemahiran dan motivasi untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di Singapura.

THE EFFECT OF TASK-BASED TEACHING AND LEARNING (TBTL) IN TEACHING SPEAKING SKILLS FOR PRIMARY SCHOOL PUPILS IN SINGAPORE

ABSTRACT

This study aims to determine the effectiveness of using Task-Based Teaching and Learning (TBTL) method to teach speaking skills among Malay language native pupils who are struggling to learn and speak the language. Singapore's bilingualism policy that emphasizes the study of English and a mother tongue language has led to pupils taking Malay language unable to speak the language. This quasi-experimental study was conducted in Singapore involving standard five students from two different schools. The students were divided into two groups; a treatment group of 30 students and a control group of 22 students. The treatment group used TBTL model and control group used the conventional approach. An oral pre-test was conducted for the treatment group and control group before using TBTL and conventional approach respectively. After going through the lessons, both groups sat for a post-test. The treatment group completed survey questions after TBTL to determine the differences in motivation and confidence level of the students to speak Malay. The data obtained are analysed using Wilcoxon Signed Ranks Test, Mann-Whitney Test and SPSS version 25. The Wilcoxon Test indicated the fluency score of treatment group statistically higher than the fluency score of control group, $Z = -4.075$, $p < .001$. Similarly, the vocabulary and language score were also statistically higher than the score for control group, $Z = -4.108$, $p < .001$ and $Z = -3.811$, $p < .001$ respectively. Data from Likert Scale shows 100% agrees that TBTL helped them learn and use the language more confidently. In conclusion, TBTL can significantly improve speaking skills, increase motivation and confidence in speaking Malay language. As implication, TBTL can be used to teach speaking skills, incorporate into textbook by instructional material developers to increase competency, motivation and confidence to speak Malay language among primary school pupil.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Hipotesis Kajian	21
1.7 Kepentingan Kajian	22
1.8 Batasan Kajian	28
1.9 Definisi Operasional Kajian	30
1.9.1 Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura	30
1.9.2 Bahasa Ibunda	31

1.9.3	Pemerolehan, Pengajaran dan Pembelajaran	31
1.9.4	Kemahiran Bertutur	32
1.9.5	Pendekatan Konvensional	33
1.9.6	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT)	34
1.9.7	Kumpulan Kawalan	34
1.9.8	Kumpulan Rawatan	35
1.9.9	Ujian pra dan pasca	35
1.9.10	Motivasi	35
1.9.11	Keyakinan	36
1.9.12	Keupayaan	36
1.10	Rumusan	37

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	38
2.2	Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa	39
2.2.1	Perspektif Kognitif	40
2.2.2	Perspektif Sosiobudaya	43
2.2.3	Perspektif Psikolinguistik	45
2.3	Syarat dalam Pembelajaran Bahasa	47
2.3.1	Pendedahan	48
2.3.2	Penggunaan Bahasa	50
2.3.3	Motivasi untuk Berbahasa	53
2.3.4	Pengajaran Bahasa	54
2.4	Pendekatan PPBT	56
2.5	Kajian Lepas PPBT	57

2.6	PPBT untuk Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa	67
2.7	Prinsip PPBT	74
2.8	Tugasan dalam PPBT	75
2.8.1	Definisi Tugasan	75
2.8.2	Jenis Tugasan	78
2.9	Teori Mendasari PPBT	79
2.9.1	Teori Bahasa Kedua Krashen	81
2.9.2	Teori Psikolinguistik	83
2.9.3	Teori Sosiobudaya	86
2.10	Model PPBT	89
2.10.1	Model Estaire dan Zanon	89
2.10.2	Model Gatbonton	90
2.10.3	Model Willis	90
2.10.4	Model Ellis	92
2.11	Kaedah PPBT dalam Kajian	94
2.12	Teori dalam Kaedah PPBT yang diubahsuai	100
2.13	Kemahiran Bertutur	103
2.13.1	Kepentingan Kemahiran Bertutur	105
2.13.2	Ciri-ciri Kemahiran Bertutur	107
2.13.3	Faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Bertutur	109
2.13.4	Kemahiran Bertutur dalam Kurikulum Bahasa Melayu	112
2.14	Kerangka Teori Kajian	115
2.15	Rumusan	117

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	118
-----	------------	-----

3.2	Reka Bentuk Kajian	119
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen	119
3.3	Populasi Kajian	122
3.4	Sampel Kajian	123
3.5	Instrumen Kajian	125
3.5.1	Ujian Pra dan Ujian Pasca	126
3.5.2	Soal Selidik I	127
3.5.3	Soal Selidik II	129
3.6	Variabel Kajian	131
3.7	Kajian Rintis	135
3.7.1	Ujian Kebolehpercayaan bagi Kajian Rintis	136
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Sebenar	139
3.8.1	Kesahan Kandungan dan Kesahan Konstruksi	139
3.8.2	Kesahan Muka	142
3.8.3	Kebolehpercayaan Item	143
3.9	Kesahan Instrumen Kajian	144
3.9.1	Kesahan Dalaman	145
3.10	Pengumpulan Data	148
3.10.1	Pengumpulan Data Melalui Ujian Pra dan Ujian Pasca	149
3.10.2	Pengumpulan Data Melalui Soal Selidik	155
3.11	Etika Penyelidikan	157
3.12	Analisis Data	158
3.13	Rumusan	161

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	162
-----	------------	-----

4.2	Ujian Normaliti	163
4.3	Perbandingan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	164
4.3.1	Analisis Skor Kelancaran	164
4.3.2	Analisis Skor Kosa Kata	166
4.3.3	Analisis Skor Bahasa	168
4.4	Perbandingan Skor Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan	169
4.4.1	Analisis Skor Kelancaran	169
4.4.2	Analisis Skor Kosa Kata	171
4.4.3	Analisis Skor Bahasa	172
4.5	Ringkasan Dapatan Analisis Inferens	174
4.6	Analisis Deskriptif	175
4.6.1	Item Soal Selidik I	176
4.6.2	Item Soal Selidik II	178
4.6.2.1	Tahap Motivasi Setelah PPBT	179
4.6.2.2	Keyakinan Bertutur Bahasa Melayu setelah PPBT	181
4.6.2.3	Keupayaan Bertutur Bahasa Melayu setelah PPBT	182
4.7	Rumusan Hipotesis Kajian	184
4.8	Rumusan	185

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	186
5.2	Ringkasan Kajian	187
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	188
5.3.1	Kelancaran Ketika Bertutur Bahasa Melayu	188
5.3.2	Penggunaan Kosa Kata dan Bahasa Ketika Bertutur Bahasa Melayu	191

5.3.3	Motivasi, Keyakinan dan Keupayaan Bertutur Bahasa Melayu	194
5.3.4	Keberkesanan Kaedah PPBT yang Digunakan dalam Kajian	199
5.4	Keterbatasan Kajian	202
5.5	Implikasi Kajian	204
5.5.1	Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Singapura	204
5.5.2	Guru-guru Bahasa Melayu	205
5.5.3	Pembina Kurikulum dan Bahan Pengajaran	207
5.5.4	Institut Pendidikan Kebangsaan (NIE)	209
5.5.5	Implikasi kepada Teori	210
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	211
5.7	Kesimpulan	214
	RUJUKAN	216

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Definisi Tugas	76
3.1	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen Kaedah Pra-Pasca Tidak Seimbang	119
3.2	Sampel Kajian	123
3.3	Pengkelasan Item Soal Selidik I	127
3.4	Pengkelasan Item Soal Selidik II	129
3.5	Rumusan Instrumen yang digunakan dalam Kajian	130
3.6	Variabel Bebas dan Variabel Bersandar dalam Kajian	131
3.7	Pekali Saiz Alpha Cronbach (Umum)	136
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik I (7 Item)	136
3.9	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik I (5 Item)	136
3.10	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik II (13 Item)	137
3.11	Pakar yang Menilai Kesahan Instrumen	140
3.12	Penilaian Soal Selidik Kajian Rintis	141
3.13	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik I (5 Item)	142
3.14	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik II (13 Item)	142
3.15	Proses Intervensi Pengajaran PPBT yang Diubahsuai	152
3.16	Contoh rancangan pelajaran menggunakan kaedah PPBT	153
3.17	Proses Pengumpulan Data (Soal Selidik)	155
3.18	Rumusan Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	158
4.1	Ujian Normaliti (Kumpulan Kawalan)	163
4.2	Ujian Normaliti (Kumpulan Rawatan)	163



4.3	Statistik Deskriptif (Skor Kelancaran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	164
4.4	Pangkat (Skor Kelancaran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	164
4.5	Statistik Ujian (Skor Kelancaran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	165
4.6	Statistik Deskriptif (Skor Kosa Kata Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	166
4.7	Pangkat (Skor Kosa Kata Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	166
4.8	Statistik Ujian (Skor Kosa Kata Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	166
4.9	Statistik Deskriptif (Skor Bahasa Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	167
4.10	Pangkat (Skor Bahasa Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan)	167
4.11	Statistik Ujian (Skor Bahasa Ujian Pra Pasca Kumpulan Kawalan)	168
4.12	Statistik Deskriptif (Skor Kelancaran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	169
4.13	Pangkat (Skor Kelancaran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	169
4.14	Statistik Ujian (Skor Kelancaran Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	169
4.15	Statistik Deskriptif (Skor Kosa Kata Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	170
4.16	Pangkat (Skor Kosa Kata Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	171
4.17	Statistik Ujian (Skor Kosa Kata Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	171
4.18	Statistik Deskriptif (Skor Bahasa Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	175
4.19	Pangkat (Skor Bahasa Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	172

4.20	Statistik Ujian (Skor Bahasa Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan)	172
4.21	Dapatan Statistik Inferens	173
4.22	Item-item dalam Soal Selidik I	175
4.23	Respons dari Soal Selidik I (N=30)	176
4.24	Item-item dalam Soal Selidik II (N=30)	178
4.25	Motivasi Setelah PPBT (N=30)	179
4.26	Keyakinan Bertutur Bahasa Melayu Setelah PPBT (N=30)	181
4.27	Keupayaan Bertutur Bahasa Melayu Setelah PPBT (N=30)	182
4.28	Hasil Keputusan Hipotesis	183

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Peratusan Murid Darjah 1 yang Menggunakan Bahasa Inggeris di Rumah	13
1.2 Proses dan Aspek Pengajaran dalam STP	23
2.1 Syarat Pembelajaran Bahasa	47
2.2 Model Willis (1996)	90
2.3 Model Ellis (2003)	92
2.4 Kaedah PPBT yang digunakan dalam kajian	94
2.5 HPU, HPK dan SK Kemahiran Bertutur daripada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah)	113
2.6 Kesepaduan Teori-Teori dan Kaedah PPBT yang Diubahsuai	115
3.1 Rumusan Reka bentuk Ujian Pra-Pasca Bagi Kumpulan Tidak Seimbang	121

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu Standard
BMA	Bahasa Melayu Asas
BML	Bahasa Melayu Lanjutan
HPU	Hasil Pembelajaran Umum
HPK	Hasil Pembelajaran Khusus
NIE	<i>National Institute of Education</i> (Institut Pendidikan Kebangsaan)
PPBT	Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas
PPP	<i>Presentation-Practice-Production</i>
PSLE	<i>Primary School Leaving Examination</i> (Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah)
SEAB	<i>Singapore Examination and Assessment Branch</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
STP	<i>Singapore Teaching Practice</i> (Amalan Pengajaran Singapura)
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
ZPP	Zon Perkembangan Proximal

SENARAI LAMPIRAN

- A** Surat izin daripada UPSI untuk menjalankan kajian
- B** Surat izin daripada Kementerian Pendidikan Singapura untuk menjalankan kajian di sekolah rendah
- C** Etika menjalankan kajian daripada UPSI
- D** Surat Izin Ibu Bapa Murid
- E** Ujian Pra Kemahiran Bertutur
- F** Ujian Pasca Kemahiran Bertutur
- G** Rubrik Penilaian (Kemahiran Bertutur)
- H** Soal Selidik I
- J** Soal Selidik II
- K1-K5** Rancangan Pelajaran 1 dan Bahan Pengajaran
- L1-L3** Rancangan Pelajaran 2 dan Bahan Pengajaran
- M** Rancangan Pelajaran 3
- N** Rancangan Pelajaran 4
- P1-P3** Rancangan Pelajaran 5 dan Bahan Pengajaran

BAB 1

PENDAHULUAN

Kebolehan dan keperluan berbahasa merupakan fitrah manusia. Kebolehan berbahasa yang mula-mula dikuasai ialah mendengar dan bertutur yang kemudian berkembang menjadi kemahiran berbahasa yang lengkap (Machado, 2016). Kemahiran mendengar dan membaca merupakan kemahiran reseptif manakala kemahiran bertutur dan menulis ialah kemahiran produktif yang diperlukan untuk membina keupayaan berkomunikasi. Antara kemahiran ini, bertutur merupakan kemahiran yang amat penting dalam proses komunikasi dan interaksi. Bertutur merupakan asas bagi kemahiran literasi awal kerana tanpa kemahiran ini, seseorang murid sukar untuk menguasai kemahiran bahasa yang lain seperti membaca dan menulis. Kebolehan seseorang murid bertutur dengan cekap memberikan nilai tambah kepadanya kerana ia berupaya meluahkan perasaan,



menyatakan hasrat, berbincang, bercerita, memberikan pesanan dan arahan, memberikan pandangan, pendapat dan berkongsi idea secara bersemuka (Pourhosein, 2016; Efrizal, 2012). Oleh itu, kemahiran bertutur merupakan komunikasi bahasa yang amat penting untuk dipelajari dan dikuasai. Bagi melahirkan penutur yang cekap, seseorang individu perlu diajar dan dilatih untuk menguasai dan bertutur dalam bahasa sasaran dengan betul (Kosar & Bedir, 2014).

Dalam konteks dasar pendidikan di Singapura, setiap murid dikehendaki bertutur dalam dua bahasa kerana pengajaran dan pembelajaran bahasa di Singapura berpegang teguh kepada dasar kedwibahasaan. Sistem pendidikan yang berteraskan kedwibahasaan ini menekankan pengajaran dan pembelajaran dua bahasa secara serentak, iaitu bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan bahasa Melayu, Mandarin atau Tamil sebagai bahasa ibunda. Setiap murid diwajibkan untuk belajar dan menguasai kedua-dua bahasa ini. Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang bangsa, budaya dan agama, Singapura memerlukan satu dasar bahasa yang dapat menyatupadukan masyarakat majmuk di Singapura dan membina wahana untuk berkomunikasi dengan dunia luar (Lee, 2011). Memandangkan bahasa Inggeris merupakan bahasa global dan bahasa utama dunia, maka bahasa ini dipilih sebagai medium penyatu masyarakat majmuk di Singapura. Bahasa ibunda pula digunakan sebagai bahasa untuk mempelajari budaya dan warisan. Oleh itu, setiap murid perlu mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan bahasa ibunda (bahasa Melayu, bahasa, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil) mengikut etnik masing-masing.





Dari sudut pembelajaran bahasa ibunda, pemerintah Singapura mahu menjadikan bahasa ibunda sebagai bahasa hidup, bukan hanya sekadar digunakan untuk lulus peperiksaan dan penempatan ke peringkat prauniversiti sahaja tetapi dipraktikkan secara terus-menerus dalam kehidupan seharian. Setiap murid yang melalui pendidikan formal harus “mempunyai kecekapan untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa ibunda, bertutur dengan lancar dan spontan dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, memahami dan menghayati warisan mereka serta menyemai rasa cinta terhadap bahasa ibunda masing-masing” (*Ministry of Education*, 2010).

Namun begitu, dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu secara khusus, harapan ini mungkin tampak sukar untuk menjadi kenyataan memandangkan profil murid Melayu pada hari ini yang semakin hari semakin berubah dan lebih cenderung kepada bahasa Inggeris (*Ministry of Education*, 2010). Kecenderungan untuk belajar dan menguasai bahasa Inggeris ini menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu atau bahasa ibunda lain di sekolah sebagai satu cabaran kepada guru dan murid kerana murid tidak lagi bertutur atau didedahkan kepada bahasa ibunda di rumah. Oleh itu, perlu ada suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu supaya dapat membantu murid menguasai bahasa tersebut. Guru-guru harus memikirkan cara-cara mengajar dengan memberi peluang kepada murid untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran kerana perkembangan bahasa berlaku lebih cepat jika mereka menggunakan bahasa sasaran serta mendapat respons daripada guru mereka (Wasik, 2010).

Oleh hal yang demikian, sekolah perlu memainkan peranan penting untuk mewujudkan suatu persekitaran yang dapat menggalakkan murid untuk menggunakan





dan mempelajari bahasa Melayu. Para guru harus berusaha untuk menjadikan pengajaran bahasa ibunda lebih berkesan dan bermakna dengan menggunakan pendekatan pengajaran bahasa yang efektif. Hal ini kerana pengajaran yang efektif dan persekitaran yang menyeronokkan serta dinamik dapat mempertingkatkan motivasi murid untuk mempelajari sesuatu bahasa (Nunan, 2010). Nunan juga berpendapat bahawa bagi membantu murid menguasai kemahiran bertutur, pendekatan yang digunakan harus berupaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat memungkinkan atau memaksa mereka menuturkan bahasa sasaran dalam suasana yang autentik kerana murid harus dilatih dan diberikan peluang untuk menggunakan bahasa yang dipelajari itu.

Pendedahan kepada persekitaran bertutur sesuatu bahasa dapat diwujudkan melalui pendekatan-pendekatan yang melibatkan murid dan memberikan peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa sasaran. Antara pendekatan yang dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang melibatkan murid ialah pendekatan komunikatif, pengajaran koperatif dan juga kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT). Menurut Bygate (2015), murid harus diberikan pengalaman untuk melakukan tugas yang bermakna dengan melibatkan mereka dalam pertuturan bahasa dan kaedah PPBT ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang memotivasikan murid untuk bertutur (East, 2017). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan PPBT dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Melayu.





Bahagian seterusnya membincangkan masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Singapura. Pengkaji juga meneliti permasalahan kajian, tujuan kajian persoalan kajian, signifikan kajian, batasan kajian dan definisi operasional bagi kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1963 hingga ke hari ini, pendidikan dwibahasa menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda yang terdiri daripada bahasa Mandarin, Melayu dan Tamil masih kekal sebagai tunjang sistem pendidikan di Singapura. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar utama bagi menyediakan dan membolehkan rakyat Singapura berhubung dengan dunia global. Atas alasan inilah bahasa Inggeris menjadi subjek yang penting dalam sistem pendidikan kerana bahasa ini merupakan bahasa dunia atau bahasa global (Gohil, 2013). Kini, setiap rakyat Singapura boleh bertutur dan sentiasa meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris.

Sejajar dengan unsur pragmatik tersebut, kebanyakan rakyat Singapura kurang memberikan penekanan terhadap bahasa ibunda setelah mereka meninggalkan alam persekolahan dan memasuki arena pekerjaan. Mereka tidak mempunyai alasan yang munasabah atau relevan untuk terus mempelajari atau mempraktikkan bahasa ibunda kerana bahasa Inggeris telah diberikan keutamaan sebagai bahasa 'pekerjaan', bahasa perhubungan dan bahasa pentadbiran (Curd-Christiansen, 2014; Zhao & Shang, 2014).





Hal ini menyebabkan kebanyakan murid mempelajari bahasa ibunda sekadar untuk memenuhi syarat lulus dalam peperiksaan.

Selain itu, pembelajaran bahasa ibunda juga terkesan dengan arus globalisasi. Singapura menerima ledakan globalisasi secara aktif dan berkembang pesat mengikut arus tersebut. Singapura telah membuka pintu untuk menerima masuk ramai tenaga asing dari pelbagai negara bagi mengukuhkan ekonomi dan memastikan negara ini terus maju dan berdaya saing. Pada masa yang sama, Singapura turut menggalakkan rakyatnya untuk berhijrah dan meneroka peluang perniagaan di luar negara. Natijahnya, ramai rakyatnya telah berhijrah dan bermastautin di negara lain dan ramai pula pendatang yang bermastautin di Singapura. Para pendatang ini telah membawa bersama-sama bahasa, adat dan budaya mereka ke Singapura, manakala rakyat Singapura yang bermastautin di luar negara mula menyerap bahasa dan budaya di negara asing tersebut. Hal ini telah mengubah landskap penduduk Singapura dan kini penduduknya terdiri daripada empat golongan utama. Golongan pertama ialah golongan yang dilahirkan dan dibesarkan di Singapura, golongan kedua ialah penduduk tetap dari China, Malaysia, Filipina dan India, manakala golongan ketiga ialah mereka yang tinggal di Singapura atas urusan perniagaan dan pekerjaan lalu mengambil keputusan untuk bermastautin di Singapura secara tetap dan menjadi warga Singapura. Golongan keempat pula ialah rakyat Singapura yang berhijrah dan pulang hanya untuk sementara sahaja dan kemudian berhijrah semula (Yang, Yang & Zhan, 2015).

Bagi menangani kerencaman dan kepelbagaian komposisi rakyatnya, pemerintah sentiasa memperbaiki dan mengubah suai sistem pendidikan mengikut





keperluan masyarakat, negara dan dunia. Singapura memerlukan sistem pendidikan yang berkesan lagi efisien untuk meraih manfaat daripada perkembangan globalisasi dan pada masa yang sama perlu mengekalkan nilai dan budaya setiap masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, bahasa dan budaya. Menurut Gopinathan (2010), sistem pendidikan yang terbaik dan berkesan harus dibangunkan untuk rakyatnya yang semakin hari semakin berubah landskapnya. Oleh itu, bagi memastikan setiap rakyat Singapura yang hidup di Singapura atau meneroka mencari rezeki di negara lain masih terus berakar umbi dalam budaya dan sejarah tempatan, maka pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda menjadi subjek yang amat penting di sekolah (*Ministry of Education, 2005*).

Justeru, tujuan utama pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda adalah untuk memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi, memupuk kesedaran dan penghayatan budaya agar mereka dapat memahami dan menghayati warisan budaya di samping membolehkan orang ramai berhubungan dengan masyarakat di Asia dan seluruh dunia (*Ministry of Education, 2010*). Oleh yang demikian, dasar dwibahasa ini amat penting dan mesti terus diperkukuhkan dalam memastikannya terus dinamik dan ampuh untuk menempuhi gelombang globalisasi.

Semakan demi semakan dilakukan terhadap kurikulum bahasa ibunda pada peringkat nasional bagi memastikan dasar kedwibahasaan ini terus diimplementasikan secara serius dan berkesan. Pada tahun 2005, Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu telah dibentuk untuk menyemak semula pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Jawatankuasa semakan tersebut telah mengadakan 15





perbincangan fokus dan sesi dialog bersama dengan pihak-pihak berkepentingan, melawat enam buah sekolah dan melakukan lawatan sambil belajar ke Malaysia. Bagi mengetahui penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid, suatu tinjauan yang melibatkan sekitar 7,500 orang responden yang meliputi ibu bapa, guru dan murid daripada 68 buah sekolah telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura. Hasil daripada tinjauan tersebut menunjukkan bahawa bilangan murid yang mempelajari bahasa Melayu dalam darjah satu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di rumah telah merosot dari 84 peratus pada tahun 1996 kepada 71 peratus pada tahun 2005 (*Ministry of Education*, 2005).

Seterusnya, Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda yang diterajui oleh Pengarah Agung Pendidikan pula ditubuhkan pada Januari 2010 untuk menilai perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda di Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura telah menjalankan satu tinjauan yang melibatkan 3,799 orang guru, 9,543 orang murid serta 8,815 orang ibu bapa. Jawatankuasa ini juga telah mengadakan 19 perbincangan kumpulan fokus bersama dengan 229 orang pendidik yang terdiri daripada pengetua sekolah, ketua jabatan dan para guru, 85 orang ibu bapa, dan 21 orang pemimpin masyarakat (*Ministry of Education*, 2011). Hasil daripada semakan ini juga menunjukkan penggunaan bahasa Melayu semakin merosot dan penggunaan bahasa Inggeris semakin meningkat.

Dalam usaha mencari suatu penyelesaian bagi masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda di Singapura, Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010 juga telah meneliti perkembangan yang berlaku dalam pengajaran, pembelajaran dan





penilaian bahasa di negara-negara lain. Beberapa lawatan sambil belajar telah dilakukan oleh kementerian Pendidikan. Para pegawai kementerian telah ke Australia, China, India, Malaysia dan Amerika Syarikat. Melalui lawatan dan perbincangan, jawatankuasa tersebut mendapati bahawa masyarakat penutur jati seperti masyarakat Cina di China, Hong Kong dan Taiwan, masyarakat Tamil di Tamil Nadu dan masyarakat Melayu di Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia tidak menghadapi cabaran yang sama seperti yang dihadapi oleh murid di Singapura. Dalam masyarakat tersebut, para murid membesar dan terdedah kepada persekitaran yang menggunakan bahasa ibunda secara meluas dalam kehidupan harian, bermula dari rumah kemudiannya ke sekolah dan akhirnya ke peringkat masyarakat. Pendedahan mereka terhadap bahasa-bahasa yang lain amatlah sedikit. Walau bagaimanapun, negara-negara ini berjaya menjadikan pembelajaran bahasa lebih rasional dan relevan dengan mempertingkatkan penggunaan pedagogi dan teknologi baharu di samping memberikan penekanan terhadap kebolehan murid untuk berkomunikasi secara efektif dalam bentuk lisan dan tulisan. Hal ini menunjukkan peri penting pendedahan terhadap bahasa sasaran yang hendak dipelajari.

Tujuan semakan 2010 ini adalah untuk menyarankan strategi yang sesuai bagi pengajaran, pembelajaran dan penilaian bahasa ibunda dalam konteks Singapura untuk mempromosikan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa yang terus hidup dalam kalangan murid. Semakan ini penting dan perlu dilakukan untuk mengubah suai pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda mengikut keperluan kerana terdapatnya perubahan landskap pendidikan dan perubahan demografi murid yang mempelajari bahasa ibunda. Jawatankuasa tersebut berusaha untuk mendapatkan penerangan tentang





kadar penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda yang berbeza-beza di rumah bagi masyarakat yang mempunyai latar yang berlainan di Singapura.

Jawatankuasa ini juga menilai kesan kurikulum yang telah dibina dan pendekatan pengajaran yang diperkenalkan selepas semakan bahasa 2004 - 2005. Salah satu cadangan daripada Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010 ialah pembentukan kurikulum bahasa Melayu untuk membina pengguna cekap yang boleh berkomunikasi dengan efektif menggunakan bahasa dalam konteks kehidupan sebenar. Pembelajaran bahasa ibunda mesti mendorong murid mengaplikasikan dan menggunakan bahasa yang dipelajari dalam konteks kehidupan sebenar. Jawatankuasa itu juga menerangkan bahawa murid harus didedahkan dengan tugas dan aktiviti bahasa yang dirancang dengan baik dan sistematik (*Ministry of Education*, 2010).



Oleh itu, kajian ini bertujuan mencari suatu kaedah yang dapat digunakan di dalam bilik darjah supaya murid terangsang untuk bertutur dalam bahasa Melayu dalam persekitaran pembelajaran yang memberikan peluang kepada murid menggunakan bahasa Melayu. Dalam usaha mencari suatu kaedah yang sesuai ini, kajian ini menggunakan PPBT bagi mengetahui sama ada kaedah ini boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa Melayu yang autentik sambil merangsang murid untuk belajar dan bertutur dalam bahasa Melayu.





1.3 Pernyataan Masalah

Dalam konteks sistem pendidikan Singapura yang berteraskan dasar kedwibahasaan, setiap murid harus belajar bertutur dalam dua bahasa. Mantan Menteri Pendidikan, Dr. Tony Tan Keng Yam menjelaskan bahawa Dasar Pendidikan Dwibahasa yang memerlukan setiap murid belajar bahasa Inggeris dan bahasa ibunda adalah ciri yang terpenting dalam sistem pendidikan Singapura. Setiap murid harus belajar bahasa Inggeris supaya dia terdedah dan dapat menguasai pengetahuan, teknologi dan kemahiran dunia moden. Mereka juga harus tahu bahasa ibunda agar membolehkan mereka memahami jati diri (Meyliana, 2014).

Mantan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew juga turut menekankan kepentingan kedwibahasaan dengan mengatakan bahawa sekiranya hanya bahasa ibunda sahaja yang dipelajari, kita tidak boleh meneruskan kehidupan dengan selesa, dan pada masa yang sama, jika kita hanya mempelajari bahasa Inggeris sahaja, kita akan kehilangan jati diri, hilang identiti kebudayaan dan keyakinan diri dalam era globalisasi ini” (Lee, 2001).

Oleh itu, bagi memastikan setiap rakyat Singapura berdwibahasa, setiap murid belajar dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dari sekolah rendah lagi. Setiap murid harus mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan bahasa Mandarin, Melayu atau Tamil sebagai bahasa ibunda. Pemilihan bahasa ibunda ini adalah berdasarkan etnik masing-masing.






Bahasa Inggeris diiktiraf sebagai medium untuk menyatupadukan penduduk Singapura yang terdiri daripada masyarakat majmuk manakala bahasa ibunda pula digunakan sebagai bahasa untuk mempelajari budaya dan warisan. Di sekolah-sekolah juga, bahasa Inggeris ini digunakan sebagai bahasa perantaraan untuk mengajar kesemua subjek kecuali bahasa ibunda dan pendidikan moral. Masa yang diperuntukkan untuk memberi pendedahan dan mempelajari bahasa Inggeris juga adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan bahasa ibunda. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dasar bahasa yang berpaksikan kedwibahasaan ini telah berjaya dan memberi impak yang besar terhadap pembangunan Singapura. Singapura kini telah menjadi salah sebuah negara yang berjaya melaksanakan sistem pendidikan kedwibahasaan dengan jayanya.



penguasaan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat. Semakin ramai penduduk khususnya para murid menghadapi masalah bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing. Dalam konteks masyarakat Melayu contohnya, mereka menghadapi masalah untuk meluahkan perasaan secara lisan dan kesukaran mencari perkataan Melayu yang sesuai dengan perasaan atau pendapat yang ingin diluahkan. Tinjauan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (2010) juga menunjukkan lebih ramai keluarga Melayu yang mula menggunakan bahasa Inggeris di rumah dan jumlahnya semakin hari semakin bertambah. Hal ini menjadikan murid lemah dari segi penguasaan kosa kata dan struktur ayat bahasa Melayu yang sesuai. (*Ministry of Education*, 2010).



Melalui temu ramah dengan guru-guru dan murid-murid ketika mengumpul data bagi Semakan Bahasa Ibunda 2010, didapati semakin ramai murid yang bertutur dalam bahasa Inggeris sahaja di antara adik-beradik, ibu bapa, nenek dan datuk di kediaman mereka. Hal ini menyebabkan murid mempunyai masalah dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan dalam bahasa Melayu. Kosa kata yang dimiliki oleh mereka juga amatlah terhad sehingga menyukarkan mereka untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih. Rajah 1.1 menunjukkan dapatan daripada tinjauan yang dijalankan di sekolah-sekolah oleh Kementerian Pendidikan Singapura daripada tahun 1999 hingga ke tahun 2019.



Rajah 1.1. Peratusan Murid Darjah 1 yang Menggunakan Bahasa Inggeris di Rumah.

Rajah 1.1 menunjukkan bahawa bahasa Inggeris menjadi bahasa dominan yang sering digunakan di rumah dalam jangka masa yang panjang. Graf ini memaparkan data tahunan kemasukan murid darjah satu sejak tahun 1999 hingga 2019. Arah aliran ini menunjukkan berlakunya peningkatan penggunaan bahasa Inggeris di rumah untuk



kesemua kaum, iaitu Melayu, Cina dan India pada kadar peratusan yang berlainan. Dalam kalangan keluarga Cina yang mempunyai anak pada peringkat darjah satu menunjukkan peningkatan daripada 42 peratus pada tahun 1999 kepada 71 peratus pada tahun 2019. 70 peratus keluarga India yang mempunyai anak di peringkat darjah satu menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di rumah pada tahun 2019, berbanding dengan 55 peratus pada tahun 1999. Selain itu, peningkatan penggunaan bahasa Inggeris di rumah juga berlaku dalam kalangan keluarga Melayu daripada 18 peratus kepada 67 peratus dalam tempoh yang sama. Menurut Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Hsien Loong, dalam masyarakat yang lebih mengutamakan bahasa Inggeris seperti di Singapura, orang ramai perlu berusaha untuk mencipta sekitaran berbahasa ibunda (Tee Zhuo, 2019).



bahawa pihak sekolah harus memainkan peranan dalam mewujudkan suatu persekitaran yang dapat mendedahkan murid terhadap penggunaan bahasa ibunda. Murid harus diberikan peluang untuk bertutur bahasa sasaran kerana pembelajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan jika murid melibatkan diri secara aktif dan menggunakan bahasa sasaran (Cevallos, Intriago, Villafuerte, Molina & Ortega, 2017).

Peningkatan peratusan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan di rumah merupakan satu kenyataan yang harus diterima oleh semua pihak. Semakan Bahasa Ibunda 2005 dan 2010 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Singapura menunjukkan bahawa murid-murid yang mempelajari bahasa Melayu sekurang-kurangnya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan harian dalam





kehidupan mereka. Mereka lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris walaupun sedang belajar bahasa Melayu di dalam kelas Bahasa Melayu. Laporan Semakan Bahasa Ibunda 2010 menunjukkan bahawa guru-guru juga terpaksa menggunakan kaedah penterjemahan ketika mengajar bahasa Melayu bagi membantu murid untuk memahami perkara yang diajarkan.

Tambahan pula, keadaan ini diburukkan lagi dengan peruntukan masa untuk pengajaran bahasa Melayu yang semakin singkat jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan para murid mendapat pendedahan terhadap bahasa Melayu dan penguasaan kosa kata yang amat terhad. Lantaran itu, para murid berasa amat sukar untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih dan lebih cenderung untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Selain itu, murid juga sentiasa menggunakan ‘code-switching’ atau mengalih kod kepada bahasa Inggeris ketika bertutur dan akhirnya menjadi lumrah di dalam bilik darjah (*Ministry of Education*, 2010). Jika senario ini dibiarkan begitu sahaja, tentu saja penguasaan bahasa Melayu oleh murid ini akan terus merosot dan akhirnya berlakunya ‘*inter-language fossilization*’. Dalam jangka masa yang panjang, matlamat dasar dwibahasa yang menekankan penguasaan dua bahasa yang sama lancar mungkin akan terbantut dan tidak tercapai sekiranya tidak ada usaha untuk membantu murid belajar dan bertutur bahasa Melayu dengan lebih aktif lagi.

Di samping itu, kemasukan warga asing juga turut mewujudkan kerencaman terhadap profil murid yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Murid yang mengambil subjek bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda bukan lagi berdasarkan





kumpulan etnik tertentu. Malahan, sesiapa sahaja boleh menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran bahasa ibunda mereka. Sebagai contoh, murid berbangsa Filipina, India dari golongan Malayali atau Punjabi merupakan antara profil murid yang belajar bahasa Melayu. Hal ini ditambah pula dengan profil murid yang semakin beragam melalui perkahwinan campur yang akhirnya menyukarkan lagi pengelasan bahasa ibunda tertentu. Anak-anak hasil daripada perkahwinan campur diberikan kebenaran untuk belajar bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka. Kumpulan ini tidak tahu bertutur dalam bahasa Melayu sama sekali, sebaliknya subjek ini diambil sebagai syarat untuk lulus dalam peperiksaan dan memenuhi dasar kedwibahasaan sahaja. Hal ini telah menyebabkan guru-guru perlu mengalih bahasa dan mengajar bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa Inggeris untuk membantu murid-murid memahami bahasa Melayu dengan lebih baik (*Ministry of Education*, 2010).



Pada hakikatnya, guru-guru bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan murid-murid yang tidak boleh bertutur bahasa Melayu malahan ada juga yang tiada minat akan bahasa tersebut. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya sokongan ibu bapa dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah (*Ministry of Education*, 2005, 2010) dan faktor penekanan terhadap bahasa Inggeris yang turut menjadikan pembelajaran bahasa Melayu kurang diberikan perhatian oleh para murid dan ibu bapa di negara ini. Rentetan itu, para murid dan ibu bapa mula mempersoalkan nilai mempelajari bahasa Melayu. Bahasa Melayu tidak lagi digunakan untuk berinteraksi dengan rakan-rakan, guru-guru atau dalam kalangan masyarakat, bahkan bahasa Inggeris pula menjadi kemestian untuk berinteraksi (*Ministry of Education*, 2010). Realitinya, lebih ramai murid yang masuk ke sekolah dengan berbekalkan asas bahasa Melayu yang amat terhad atau tidak





mempunyai sebarang asas. Tambahan pula, pencerapan bilik darjah yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura turut mendapati kurangnya penglibatan murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana ramai guru bahasa Melayu yang masih mengamalkan kaedah kuliah atau penerangan. Walaupun prinsip ini tidak bertentangan dengan prinsip pengajaran dan pembelajaran, namun kaedah ini tidak lagi sesuai dan tidak sepatutnya dilaksanakan secara berterusan kerana tidak membantu perkembangan minda murid (Roselan Baki, 2003; Brown, 2000), terutamanya kepada kelompok murid yang kurang menggunakan bahasa tersebut di luar bilik darjah (*Ministry of Education*, 2005 & 2010).

Berdasarkan hasil perbincangan dengan para pakar dan pendidik yang mempunyai pengalaman luas dalam persekitaran yang menggunakan pelbagai bahasa campuran ini, jawatankuasa semakan mendapati bahawa pembelajaran akan lebih efektif apabila seseorang murid diajar menggunakan bahasa secara aktif dan interaktif dalam pelbagai latar kehidupan sebenar termasuklah menggunakan bahasa untuk mempelajari budaya bahasa tersebut. Jawatankuasa itu turut mengakui bahawa sekolah-sekolah di Singapura menghadapi persekitaran pengajaran yang mencabar dalam pengajaran bahasa ibunda kerana kebanyakan murid ini berlatarbelakangkan keluarga yang mempunyai pelbagai bentuk penggunaan bahasa dan mereka juga kurang mendapat pendedahan terhadap bahasa ibunda. Selepas meneliti perkembangan dan amalan di negara-negara lain, jawatankuasa ini mengesyorkan Singapura seharusnya mengubah kaedah pengajaran bahasa ibunda yang melibatkan murid dan mendedahkan mereka kepada bahasa tersebut. Kaedah ini mestilah mampu untuk mewujudkan suatu



persekitaran yang sesuai bagi murid menggunakan bahasa ibunda secara aktif (*Ministry of Education*, 2005 & 2010).

Jika diteliti Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2008 atau 2015, tidak ada satu kaedah yang tertentu dan berkesan untuk mengajar kemahiran bertutur di sekolah-sekolah. Sungguhpun Sukatan Bahasa Melayu 2015 telah mengetengahkan teknik-teknik pengajaran seperti stimulasi, permainan, soal jawab, bercerita dan drama, namun teknik-teknik ini hanyalah suatu saranan yang boleh diguna pakai di dalam bilik darjah di samping bahan-bahan pengajaran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Selain itu, pihak Kementerian Pendidikan tidak menentukan sesuatu model atau kaedah tertentu untuk mengajar kemahiran bertutur. Memandangkan masalah murid pada hari ini yang mempunyai cabaran untuk mempelajari dan bertutur dalam bahasa Melayu, maka wajar untuk memperkenalkan suatu kaedah yang dapat membantu para guru untuk mengajar kemahiran ini dengan menekankan penglibatan murid secara aktif (*Ministry of Education*, 2005 & 2010).

Oleh itu, bagi memastikan bahasa Melayu ditutur secara berterusan, perlu adanya suatu kaedah yang dapat mendedahkan bahasa Melayu kepada golongan ini di dalam kelas agar mereka berpeluang menggunakannya dengan betul dan cekap. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menguji keberkesanan kaedah PPBT yang diubahsuai mengikut keperluan murid di Singapura dengan menggunakan tugas sebagai elemen utama dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan persekitaran autentik yang membolehkan murid bertutur bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini berusaha untuk menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kelancaran ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kosa kata ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor bahasa ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kelancaran ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan kaedah PPBT?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kosa kata ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan kaedah PPBT?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor bahasa ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan kaedah PPBT?
7. Dapatkah PPBT meningkatkan motivasi untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan kumpulan rawatan?

8. Dapatkah PPBT meningkatkan keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan kumpulan rawatan?
9. Dapatkah PPBT meningkatkan keupayaan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan kumpulan rawatan?

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini berusaha untuk menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kelancaran ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kosa kata ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor bahasa ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kelancaran ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan kaedah PPBT?

5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kosa kata ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan kaedah PPBT?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor bahasa ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan kaedah PPBT?
7. Dapatkah PPBT meningkatkan motivasi untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan kumpulan rawatan?
8. Dapatkah PPBT meningkatkan keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan kumpulan rawatan?
9. Dapatkah PPBT meningkatkan keupayaan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan kumpulan rawatan?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan peratusan jumlah murid yang bertutur bahasa Melayu di rumah yang semakin berkurangan, pendedahan kepada persekitaran bertutur bahasa Melayu yang juga semakin tandus serta penekanan yang lebih kepada bahasa Inggeris, hipotesis berikut dibentuk dan dinyatakan dalam bentuk hipotesis nol iaitu:

H0₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kelancaran ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional. (Persoalan kajian 1)

- H02: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kosa kata ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional. (Persoalan kajian 2)
- H03: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor bahasa ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan kawalan setelah menjalani pengajaran menggunakan pendekatan konvensional. (Persoalan kajian 3)
- H04: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kelancaran ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan PPBT. (Persoalan kajian 4)
- H05: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kosa kata ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan PPBT. (Persoalan kajian 5)
- H06: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor bahasa ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan PPBT. (Persoalan kajian 6)

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diperlukan untuk mengisi jurang penyelidikan dalam bidang pedagogi khususnya amalan pedagogi guru yang berkaitan dengan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid yang semakin kurang bertutur bahasa Melayu di Singapura. Perkara ini adalah selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Singapura yang mahu membina kecekapan guru melalui ‘Amalan Pengajaran Singapura’ atau juga

dikenali sebagai *Singapore Teaching Practice* (STP) yang dilancarkan pada bulan Julai 2017. STP merupakan satu model pengajaran dan pembelajaran yang dibina berasaskan pengalaman masa lalu dan disesuaikan untuk sekolah-sekolah Singapura bagi membimbing dan mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Model ini memperkenalkan empat kuadran yang menekankan proses dan aspek pengajaran di dalam bilik darjah. Rajah 1.2 menunjukkan proses dan aspek pengajaran yang terangkum dalam STP. Keempat-empat kuadran ini memberikan fokus kepada persediaan guru untuk merancang aktiviti yang melibatkan murid secara aktif, interaksi di dalam bilik darjah dan penilaian pembelajaran sendiri. Guru-guru digalakkan untuk merujuk STP ini ketika hendak merancang dan melaksanakan pengajaran.

<u>Penilaian dan Maklum Balas</u>	<u>Budaya Positif di Bilik Darjah</u>
1. Mewujudkan interaksi dan Hubungan rapat 2. Mengekalkan disiplin yang positif 3. Menetapkan jangkaan dan rutin 4. Membina kepercayaan 5. Menyediakan tugas yang bermakna	1. Mewujudkan interaksi dan hubungan rapat 2. Mengekalkan disiplin yang positif 3. Menetapkan jangkaan dan rutin 4. Membina kepercayaan 5. Memperkasakan murid
<u>Pelaksanaan pelajaran</u>	<u>Penyediaan Pelajaran</u>
1. Mengaktifkan pengetahuan sedia ada 2. Merangsang minat 3. Menggalakkanelibatan murid 4. Menggunakan fleksibiliti 5. Memberikan penerangan yang jelas 6. Menyusun langkah dan mengekalkan momentum 7. Memudah cara pembelajaran kolaboratif 8. Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran 9. Menutup pelajaran	1. Menentukan objektif pelajaran 2. Mengambil kira profil murid 3. Memilih dan menyusun urutan kandungan 4. Merancang soalan-soalan utama 5. Menyusun pembelajaran 6. Menetapkan strategi pengajaran 7. Menetapkan alat bantu dan bantu pembelajaran

Rajah 1.2. Proses dan Aspek Pengajaran dalam STP.



Dapatan daripada kajian ini dapat menyumbang suatu kaedah yang baharu ke dalam STP yang secara langsung dapat membantu guru-guru yang merujuk STP untuk menjadikan pengajaran mereka lebih efektif. Guru-guru boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk menambah pengetahuan pedagogi mereka dari segi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur. Guru-guru bahasa Melayu juga akan dapat menambah strategi yang boleh digunakan oleh mereka di dalam bilik darjah. Guru-guru seterusnya dapat melahirkan lebih ramai pengguna bahasa Melayu yang aktif dan cekap bertutur bahasa Melayu. Natijahnya, peningkatan penguasaan bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah secara langsung akan memudahkan guru-guru di sekolah menengah untuk mengajar kemahiran dan pengetahuan bahasa serta menyemai nilai-nilai budaya dan jati diri dalam diri murid.



berkepentingan seperti Institut Pendidikan Kebangsaan (NIE) dan Kementerian Pendidikan Singapura. NIE ialah sebuah organisasi yang melatih guru-guru pelatih di Singapura. Para pensyarah di NIE boleh menggunakan hasil daripada kajian ini untuk menambah strategi yang mampu membantu para guru pelatih yang baru berkecimpung dalam pendidikan bahasa Melayu. Pengetahuan tentang PPBT ini dapat membantu guru-guru permulaan untuk mengajar bahasa Melayu dengan melibatkan murid mereka secara aktif dalam pembelajaran. Hal ini memungkinkan pembelajaran bahasa Melayu menjadi lebih menyeronokkan dan diminati oleh para murid. Secara tidak langsung dapat menyuntik motivasi dalam diri guru untuk terus mengajar bahasa Melayu dengan lebih baik lagi.





Tambahan lagi, sorotan kajian menunjukkan kajian-kajian lepas PPBT adalah lebih berfokus kepada kemahiran membaca/memahami dan kemahiran menulis. Kajian PPBT yang berfokus kepada kemahiran bertutur lebih kepada tugas-tugas yang berfokus kepada pertuturan harian (*conversational*). Dalam konteks Singapura, bahasa Melayu bukan dipelajari setakat untuk bertutur sahaja, tetapi untuk mengenalkan dan menghayati budaya dan warisan serta sastera selain daripada sebagai fungsi perhubungan. Oleh itu, hasil kajian ini dapat digunakan oleh guru-guru untuk mengajar kemahiran bertutur dengan lebih mendalam dan berkesan.

Maklumat daripada kajian ini boleh juga digunakan oleh para pembina bahan pengajaran di Kementerian Pendidikan untuk menambah amalan pedagogi di Singapura untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa amnya. Pembina bahan pengajaran di kementerian boleh menyarankan tugas-tugas yang boleh dijadikan panduan oleh guru-guru. Tugas-tugas ini boleh diselitkan dalam unit-unit bahan pengajaran tersebut agar guru-guru terpandu menggunakan pendekatan ini. Selain itu, pihak kementerian juga boleh menggunakan maklumat kajian ini untuk mengusulkan kaedah PPBT ini bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda lain seperti bahasa Tamil dan Mandarin. Di samping itu, PPBT ini boleh digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran bagi bahasa-bahasa asing seperti bahasa Perancis, Jerman, Jepun, Arab dan Indonesia serta bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan. Secara kesimpulan, kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para guru pelatih dan juga guru-guru yang sudah berpengalaman untuk mengajar bahasa ibunda dan bahasa ketiga yang lain di Singapura. Dapatan daripada kajian ini dapat menyumbang suatu kaedah yang baharu ke dalam STP yang secara langsung dapat membantu guru-



guru yang merujuk STP untuk menjadikan pengajaran mereka lebih efektif. Guru-guru boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk menambah pengetahuan pedagogi mereka dari segi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur. Guru-guru bahasa Melayu juga akan dapat menambah strategi yang boleh digunakan oleh mereka di dalam bilik darjah. Guru-guru seterusnya dapat melahirkan lebih ramai pengguna bahasa Melayu yang aktif dan cekap bertutur bahasa Melayu. Natijahnya, peningkatan penguasaan bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah secara langsung akan memudahkan guru-guru di sekolah menengah untuk mengajar kemahiran dan pengetahuan bahasa serta menyemai nilai-nilai budaya dan jati diri dalam diri murid.

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti Institut Pendidikan Kebangsaan (NIE) dan Kementerian Pendidikan Singapura. NIE ialah sebuah organisasi yang melatih guru-guru pelatih di Singapura. Para pensyarah di NIE boleh menggunakan hasil daripada kajian ini untuk menambah strategi yang mampu membantu para guru pelatih yang baru berkecimpung dalam pendidikan bahasa Melayu. Pengetahuan tentang PPBT ini akan dapat membantu guru-guru permulaan untuk mengajar bahasa Melayu dengan melibatkan murid mereka secara aktif dalam pembelajaran. Hal ini memungkinan pembelajaran bahasa Melayu menjadi lebih menyeronokkan dan diminati oleh para murid. Secara tidak langsung dapat menyuntik motivasi dalam diri guru untuk terus mengajar bahasa Melayu dengan lebih baik lagi.

Maklumat daripada kajian ini boleh juga digunakan oleh para pembina bahan pengajaran di Kementerian Pendidikan untuk menambah amalan pedagogi di Singapura



untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa amnya. Pembina bahan pengajaran di kementerian boleh menyarankan tugas-tugas yang boleh dijadikan panduan oleh guru-guru. Tugas-tugas ini boleh diselitkan dalam unit-unit bahan pengajaran tersebut agar guru-guru terpandu menggunakan pendekatan ini. Selain itu, pihak kementerian juga boleh menggunakan maklumat kajian ini untuk mengusulkan kaedah PPBT ini bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda lain seperti bahasa Tamil dan Mandarin. Di samping itu, PPBT ini boleh digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran bagi bahasa-bahasa asing seperti bahasa Perancis, Jerman, Jepun, Arab dan Indonesia serta bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan. Secara kesimpulan, kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para guru pelatih dan juga guru-guru yang sudah berpengalaman untuk mengajar bahasa ibunda dan bahasa ketiga yang lain di Singapura.



Selain itu, kajian-kajian PPBT yang dijalankan kebanyakannya adalah untuk mengkaji keberkesanan PPBT untuk mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Tidak ada kajian yang dilakukan untuk meneroka keberkesannya untuk mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda kepada murid yang natif bangsa Melayu. Oleh itu, kajian ini perlu untuk mengisi kelompongan ini dan dapat mencetuskan idea kepada guru-guru dan pengkaji untuk meneliti strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan lebih mendalam dan luas. Mereka akan dapat menyarankan tugas atau aktiviti-aktiviti lain yang seterusnya menambah strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Singapura, bukan sahaja di peringkat sekolah rendah tetapi di peringkat sekolah menengah dan prauniversiti. Hal ini dapat meningkatkan lagi profesionalisme guru-guru Bahasa Melayu di Singapura.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah kajian penerokaan terhadap penggunaan PPBT untuk mengajar kemahiran bertutur dalam kalangan murid sekolah rendah. Namun begitu, terdapat batasan tertentu yang boleh mempengaruhi dapatan dan interpretasi kajian dalam menjalankan penyelidikan ini.

Pertama, populasi kajian berdasarkan sekolah rendah di Singapura adalah terlalu besar. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya dijalankan terhadap murid darjah lima di dua buah sekolah sahaja dari jumlah 175 buah sekolah rendah untuk tempoh masa pelaksanaan selama satu penggal kerana pihak kementerian hanya mengizinkan penggunaan sekolah-sekolah ini sahaja. Oleh itu, pengkaji menggunakan sekolah yang diizinkan dan dipersetujui oleh pihak kementerian dan sampel yang diizinkan oleh pihak sekolah. Hal ini mempunyai impak kepada kesahan luaran, iaitu dari segi generalisasi dapatan. Namun, bagi kajian ini, pengkaji tidak dapat memilih sampel secara rawak kerana memang hal ini sukar dijalankan dalam kajian pendidikan, seperti yang dinyatakan oleh Wiersma dan Jurs (2009). Pemilihan secara tidak rawak ini membatasi generalisasi dapatan kepada sekolah-sekolah yang mempunyai profil yang sama dengan sekolah-sekolah yang dipilih dalam kajian ini. Batasan ini diatasi oleh pengkaji dengan memilih reka bentuk kuasi eksperimen yang menggunakan *purposive sampling* atau pensampelan tujuan dan memastikan sampel yang digunakan mempunyai ciri-ciri yang serupa, dan kedua-dua kumpulan mempunyai persekitaran pembelajaran dan penilaian yang sama. Walaupun kesahan luaran kajian ini kurang



tinggi namun pengkaji telah memastikan memastikan kesahan dalaman yang lebih tinggi.

Kedua, kajian ini menyentuh variabel murid darjah lima secara keseluruhan tanpa mengambil kira jantina, pengalaman pemerolehan dan pembelajaran bahasa Melayu, pendedahan kepada bahasa Melayu di rumah dan kecekapan guru menjalankan PPBT. Tidak dapat dinafikan bahawa hal-hal ini turut menyumbang kepada pengajaran dan peningkatan kemahiran bertutur murid. Batasan ini diatasi dengan menjalankan soal selidik sebelum PPBT digunakan bagi murid dalam kumpulan rawatan.

Ketiga, kajian ini hanya akan bertumpu kepada pengubahsuaian kaedah PPBT mengikut keperluan penutur jati bahasa Melayu. Bahan pengajaran yang digunakan juga dibina mengikut struktur Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas yang dimodifikasi mengikut keperluan pembelajaran bahasa di Singapura, yang berbeza daripada bahan pengajaran yang disediakan oleh pihak kementerian. Guru-guru yang menggunakan bahan pengajaran yang disediakan oleh pengkaji harus menggunakan bahan yang disediakan oleh pihak kementerian pada masa yang sama. Selain itu, guru-guru juga harus menyelesaikan skema pengajaran yang telah disediakan oleh pihak sekolah dan mempersiapkan murid untuk ujian penggal. Hal ini turut menyebabkan kekangan masa untuk menyelesaikan tugas yang diberikan dalam tempoh yang ditetapkan.



1.9 Definisi Operasional Kajian

Bahagian ini menjelaskan istilah dan konsep-konsep penting yang digunakan dalam konteks kajian ini.

1.9.1 Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura

Di Singapura, bahasa Melayu diajarkan sebagai bahasa ibunda dari peringkat tadika ke peringkat prauniversiti. Dasar Pendidikan Singapura yang bertunjangkan dasar dwibahasa telah menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran bahasa ibunda yang wajib dalam kurikulum sekolah. Pada peringkat darjah 4, setiap murid akan disalurkan ke aliran-aliran tertentu mengikut keputusan peperiksaan akhir tahun.

Murid yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu dan subjek-subjek lain akan mempelajari bahasa Melayu pada peringkat lanjutan iaitu Bahasa Melayu Lanjutan (BML). Murid dalam golongan sederhana akan mempelajari pada peringkat biasa atau standard iaitu Bahasa Melayu Standard (BM) dan yang lemah akan mempelajari bahasa Melayu pada peringkat asas iaitu Bahasa Melayu Asas (BMA). Ketiga-tiga peringkat mempunyai hasil pembelajaran, bahan pengajaran yang berbeza dan masa kurikulum yang berbeza. Dalam kajian ini, fokus kajian adalah kepada Bahasa Melayu Standard (BM).

1.9.2 Bahasa Ibunda

Menurut Skutnabb-Kangas (1989), bahasa ibunda seseorang boleh ditentukan dengan menggunakan empat kriteria, iaitu bahasa yang diwarisi dari generasi, kompetensi menggunakan bahasa dengan lancar dan fasih, fungsi bahasa, iaitu kekerapan menggunakan bahasa dan cara seseorang dikenali, iaitu sebagai penutur natif. Berdasarkan kriteria ini, seseorang boleh mempunyai lebih daripada satu bahasa ibunda dan boleh berubah mengikut masa. Dalam konteks Singapura, bahasa ibunda ialah bahasa penduduk asal Singapura yang mewarisi bahasa tersebut, iaitu bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil. Hanya bahasa-bahasa ini sahaja yang diiktiraf sebagai bahasa ibunda. Dalam kajian ini, bahasa ibunda merupakan bahasa kedua yang dipelajari secara serentak dengan bahasa Inggeris. Murid-murid yang belajar bahasa Melayu merupakan penutur natif berbangsa Melayu tetapi tidak tahu, atau tidak mahu menuturkannya di rumah.

1.9.3 Pemerolehan, Pengajaran dan Pembelajaran

Pemerolehan bahasa ialah suatu proses yang berlaku dalam otak kanak-kanak ketika mereka memperoleh bahasa pertamanya. Dalam proses pemerolehan ini, kanak-kanak mendapat bahasa yang sesuai dengan potensi kognitif yang dimiliki berdasarkan ujaran yang diterima secara alamiah. Pada masa ini, kanak-kanak akan turut membentuk tatabahasa dalam bahasa yang diperoleh. Oleh itu, pemerolehan bahasa disimpulkan

sebagai bahasa yang diperoleh sebelum kanak-kanak menjejakkan kaki ke sekolah dan sudah didedahkan kepadanya sejak dilahirkan.

Pembelajaran pula ialah perubahan tingkah laku atau keupayaan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Pembelajaran ialah perubahan dalam keupayaan murid menuturkan bahasa Melayu secara betul, yang berlaku melalui tugas yang diberikan.

Pengajaran merujuk kepada sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan murid. Pengajaran dirancang dan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai untuk membimbing, menggalakkan dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar bagi memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan. Dalam kajian ini, murid-murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda sudah memperoleh bahasa Inggeris sebelum menjejakkan kaki ke sekolah.

1.9.4 Kemahiran Bertutur

Dalam kajian ini, kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid untuk menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan dan idea dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lancar. Hasil pembelajaran bagi kemahiran ini adalah berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah yang dibina dengan berpanduan Kurikulum Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah). Bahan pengajaran yang digunakan

adalah bahan yang dibina oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura. Pakej yang digunakan mengandungi buku teks dan buku aktiviti, panduan guru dan bahan-bahan ICT. Setiap unit dalam bahan tersebut diajarkan selama dua hingga tiga minggu dan masa yang diperuntukkan untuk kemahiran bertutur, khususnya, ialah selama lebih kurang 3 jam setengah. Bahan cetak seperti teks dan gambar serta bahan ICT seperti video, audio dan cerita-cerita interaktif digunakan untuk mengajar kemahiran bertutur. Murid akan bertutur berdasarkan soalan-soalan rangsangan yang diberikan di dalam buku teks dan buku aktiviti atau soalan yang disediakan oleh pembina bahan dalam panduan guru. Topik-topik yang dikemukakan adalah dalam lingkungan domain masyarakat, negara dan dunia. Kemahiran bertutur dinilai dengan menggunakan video seminit dan soalan-soalan rangsangan sebagai stimulus untuk bertutur. Dalam kajian ini, pencapaian murid dalam kemahiran bertutur akan dinilai dari segi kelancaran bertutur, penggunaan kosa kata dan struktur bahasa yang sesuai.

1.9.5 Pendekatan Konvensional

Dalam kajian ini pendekatan konvensional ialah pendekatan yang digunakan oleh guru untuk mengajar kemahiran bertutur dengan menggunakan bahan pengajaran yang disediakan oleh pihak kementerian pendidikan. Bahan-bahan dalam pakej ini terdiri daripada buku teks, buku aktiviti, bahan audio, bahan video dan panduan guru. Murid akan mendengar audio atau menonton video kemudian mengisi penyusun grafik dalam buku aktiviti dan buatkan sama ada dalam kumpulan atau secara berpasangan. Dalam

kajian ini, kumpulan kawalan menggunakan bahan pengajaran yang disediakan oleh pihak kementerian sahaja.

1.9.6 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT)

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas merupakan kaedah yang menjadikan tugas sebagai objek utama dalam pengajaran. Tugas tersebut menggunakan bahasa untuk mencapai objektif kemahiran bertutur dan juga dapat mencapai tujuan linguistik. Terdapat empat peringkat tugas dalam kaedah yang diubahsuai untuk tujuan kajian ini, iaitu sebelum tugas, persediaan tugas, selepas tugas, persembahan tugas dan pengajaran bahasa. Dalam kajian ini tugas berfokus dan berskop luas menjadi objek utama dalam pengajaran. Kaedah ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab 2.

1.9.7 Kumpulan Kawalan

Dalam kajian ini, kumpulan kawalan ialah kumpulan murid yang akan menjalani pengajaran yang menggunakan pendekatan konvensional. Guru akan menggunakan bahan pengajaran yang telah disediakan oleh pihak kementerian untuk mengajar kemahiran bertutur. Kumpulan ini akan menduduki ujian pra sebelum pendekatan konvensional digunakan dan ujian pasca selepas pendekatan tersebut.

1.9.8 Kumpulan Rawatan

Kumpulan rawatan terdiri daripada kumpulan murid yang diajarkan dengan menggunakan kaedah PPBT. Kumpulan ini akan menduduki ujian pra sebelum rawatan dan ujian pasca selepas rawatan. Mereka juga akan dinilai dari segi pendedahan kepada bahasa Melayu di rumah dan keupayaan bertutur bahasa Melayu sebelum PPBT dilaksanakan.

1.9.9 Ujian pra dan pasca

Ujian pra dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan murid bertutur bahasa Melayu sebelum kaedah PPBT dan pendekatan konvensional dilaksanakan. Ujian ini dijalankan dengan menggunakan gambar tunggal dan soalan-soalan sebagai stimulus untuk berbual. Ujian pasca dijalankan dengan menggunakan gambar tunggal yang berbeza dan soalan stimulus. Tujuan ujian pasca ialah untuk melihat tahap pencapaian murid setelah menjalani rawatan dan juga setelah menggunakan pendekatan konvensional bagi kumpulan kawalan.

1.9.10 Motivasi

Dalam kajian ini, motivasi didefinisikan sebagai dorongan yang timbul pada diri seseorang secara sedar atau tanpa disedari untuk melakukan suatu tindakan dengan

tujuan tertentu (Asrori, 2012). Peningkatan motivasi ialah sama ada murid teruja untuk terus belajar dan mahu bertutur serta melakukan tugas-tugas yang diberikan.

1.9.11 Keyakinan

Menurut Lauster keyakinan diri merupakan kepercayaan kepada kemampuan diri sendiri tanpa terpengaruh oleh orang lain sehingga apabila berkomunikasi atau berinteraksi mempunyai dorongan prestasi dan dapat mengenal kelebihan dan kekurangan diri sendiri. (Lauster, 2012). Dalam kajian ini keyakinan bertutur termasuk persepsi murid tentang kemampuan mereka bertutur bahasa Melayu setelah melalui tugas-tugas yang dijalankan.

1.9.12 Keupayaan

Dalam kajian ini keupayaan bertutur ialah kebolehan murid untuk bertutur bahasa Melayu semasa berinteraksi tanpa tersekat-sekat. Mereka berupaya menggunakan struktur ayat yang betul dan kosa kata yang sesuai dan pertuturan mereka dapat difahami oleh interlokuter.

1.10 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah mengemukakan perbincangan tentang fokus utama kajian ini dilaksanakan iaitu meneliti keberkesanan penggunaan PPBT bagi membina dan mempertingkatkan kemahiran bertutur murid sekolah rendah di Singapura. Bab ini telah membincangkan masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Singapura, tujuan kajian, persoalan dan hipotesis kajian, signifikan kajian, batasan kajian serta definisi operasional.